

# Singapura terbuka cadangan baharu

BH  
- 30/11/2021  
mb: 2

## Kementerian pengangkutan dua negara setuju bincang semula

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong berkata republik itu terbuka menerima cadangan baharu dari Malaysia berkaitan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura, walaupun kedua-dua negara sebelum ini bersetuju untuk menamatkan projek berkenaan.

Lee berkata, Kementerian Pengangkutan dari kedua-dua negara akan membincangkan perkara berkenaan dan Singapura berharap menerima butiran le-


bih terperinci dari Malaysia.

“Perdana Menteri (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob) mencadangkan perbincangan mengenai HSR dihidupkan semula dan saya menjawab bahawa Singapura dan Malaysia mencapai persetujuan sebelum ini untuk menamatkan projek HSR dan ini diselesaikan secara baik.

“Bagaimanapun, Singapura terbuka menerima cadangan baharu dari Malaysia mengenai projek HSR dan Kementerian Pengangkutan kedua-dua negara akan membincangkan perkara itu.

“Singapura berharap menerima butiran lebih terperinci dari Malaysia agar kami boleh mengkaji dan menimbangkan sekali lagi perkara itu,” katanya.

Lee berkata demikian pada sidang media bersama Ismail Sabri semalam yang juga disiarkan secara langsung menerusi laman



Ismail Sabri melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Singapura, Halimah Yacob di Istana, Singapura, semalam.

(Foto BERNAMA)

Facebook rasmi beliau.

Sidang media bersama itu bersempena pelancaran Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin Darat (VTL-Darat) di Singapura.

Pada 1 Januari tahun lalu, Malaysia dan Singapura mengumumkan penamatan projek HSR apabila kedua-dua negara gagal mencapai persetujuan bagi perubahan dicadangkan Malaysia sebelum perjanjian projek itu luput pada 31 Disember 2020.

Pada Mac tahun ini, Malaysia mengumumkan ia membayar SG\$102.8 juta kepada Singapura bagi kos ditanggung bagi pem-

angunan projek HSR dan berkaitan pelanjutan penangguhan.

Sementara itu, mengenai projek Laluan Sistem Transit Rapid (RTS) Johor Bahru-Singapura, Lee berkata pembinaaan projek itu sedang berjalan dan kedua-dua negara berharap sistem itu dapat memulakan perkhidmatan menjelang akhir 2026.

Laluan RTS itu adalah projek kereta api rentas sempadan sepanjang empat kilometer menghubungkan antara terminal stesen Woodlands North di Singapura dan terminal stesen Bukit Chagar di Johor Bahru.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, perbincangan mengenai cadangan baharu pelaksanaan semula projek HSR akan diadakan bersama dengan kedua-dua Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Singapura dan ia akan dibawa ke Kabinet.

“Perkara ini masih terlalu awal. Nanti kita akan lihat secara terperinci kerana perjanjian lama ditamatkan, tetapi kalau kita mahu *revisit* (kaji semula), ia memerlukan perjanjian baharu,” katanya pada sidang media sejurus selepas lawatan berakhir.

BERNAMA